



# **LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN DALAM MENANGANI IMPAK COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**





# LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN DALAM MENANGANI IMPAK COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


## *'Whole of Nation Approach'*

Bersatu padu dalam menangani impak dan cabaran-cabaran hasil dari menularnya COVID-19 di negara ini.

Langkah-langkah yang diambil berfokuskan kepada 3 perkara:

1

Memelihara Kesejahteraan orang awam



Memelihara pekerjaan yang ada dan memberi sokongan kepada individu-individu

2

3

Mendukung dan membantu perniagaan





**LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN  
MENANGANI IMPAK COVID-19**

# **MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM**





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

**SISTEM PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG MANTAP, TERATUR, EFISIEN DAN MEMPUNYAI BEKALAN KEPERLUAN PERUBATAN DAN KESELAMATAN YANG MENCUKUPI.**

- **Pembinaan Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong** bagi menempatkan pesakit-pesakit yang telah pun disahkan positif dari jangkitan COVID-19 untuk dipantau rapi di pusat pengasingan yang baru ini.



- **Pembinaan bangunan tambahan Makmal Rujukan Virology Kebangsaan di Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan**, bagi menambah kapasiti dan mempercepatkan proses ujian makmal bagi COVID-19 di negara ini.

- **Penyediaan Pusat-Pusat Pemantauan** bagi warga asing, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang masuk ke Negara Brunei Darussalam dari luar negara bagi menjalankan pengasingan diri.



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19


# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## PEMBERIGAN YANG EFEKTIF MENGENAI MAKLUMAT DAN SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



- Mengadakan **sidang media setiap hari** bagi memberikan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.
- Penyediaan **talian hotline – 148** yang dapat dihubungi untuk mendapatkan **maklumat lanjut dan perkembangan terkini jangkitan COVID-19** di Negara Brunei Darussalam.

- Penyediaan ***Self Assessment Tool*** [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn) membantu individu untuk membuat penilaian jika mereka menghidap simptom-simptom COVID-19 dan usaha untuk menghasilkan masa sebenar ataupun ***real-time Government dashboard***.
- Pelancaran landasan rasmi di dalam **aplikasi Telegram** bagi **GOV.BN** untuk **memberigakan maklumat rasmi** daripada pihak Kerajaan.



### New features in the Home Page



- **Press Release** : Collection of Covid-19 Press Statements from all Ministries.
- **COVID-19 Knowledge** : Health Education Resources
- **FAQs** : General Information on what we know about Covid-19 so far.
- **Nearby** : Covid-19 Hotspots and Medical Resource Locations.
- **Report** : A comprehensive self reporting tool for anyone who has come in contact with Covid-19 confirmed cases or showing symptoms.



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## ELAUN KHAS KHUSUS KEPADA *FRONTLINERS*



- **Elaun khas sebanyak \$400 (Empat ratus ringgit) sebulan, khusus kepada para doktor, jururawat, parademik, pemandu, ambulan, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan kesemua mereka yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pemberian elaun khas ini bermula bulan Mac 2020 dan akan dilanjutkan sehingga berakhirnya wabak COVID-19 di negara ini.**



**LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN  
MENANGANI IMPAK COVID-19**

## **MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM**

**MEMUDAHKAN AKSESIBILITI KE DAERAH TEMBURONG**



- **Pembukaan Sementara Jambatan Penghubung Daerah Brunei-Muara ke Temburong bagi memudahkan aksesibiliti ke Daerah Temburong. Jambatan berkenaan adalah dibukakan dari pukul 6 pagi hingga 6 petang sahaja setiap hari bermula hari Khamis, 19hb Mac 2020.**



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## MEMPERKETATKAN KAWALAN KELUAR NEGERI & KEMASUKAN DALAM NEGERI

- Tegahan keluar negeri telah mula dikuatkuasakan mulai pada 16 Mac 2020 yang telah dimuatkan di dalam garispandu permohonan kebenaran keluar negeri bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi menghindari penularan wabak COVID-19.



- Menangani kesejahteraan dan keselamatan penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam yang menuntut di luar negara untuk pulang ke negara ini.

- Semua permohonan mendatangkan pekerja asing adalah ditangguhkan.
- Semua warganegara asing termasuk yang transit tidak dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam.







## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## MEMEDULIKAN HAL EHWAL PENGGUNA



- Pemantauan harga barangan akan sentiasa dibuat bagi barangan seperti beras, gula dan barangan keperluan lain seperti *sanitizer* tangan dan *Surgical Face Mask* bagi perlindungan pengguna.

- Memastikan kedudukan stok beras dan gula adalah mencukupi untuk keperluan harian.





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## MEMEDULIKAN HAL EHWAL PENGGUNA

- **Mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi bagi dapat memenuhi jangkaan permintaan yang makin meningkat.**



- **Perundingan dua hala antara Jabatan Perkhidmatan Pos, Negara Brunei Darussalam dan Pos Malaysia, Pos Malaysia telah memberikan kebenaran kepada Jabatan Perkhidmatan Pos selaku wakil bagi pengambilan barang di Pos Miri dan Pos Limbang bagi penerima-penerima yang berada di Negara Brunei Darussalam. Bagi memudahkan proses penghantaran dan penerimaan barang yang dibeli secara *online* dari luar negara, orang ramai adalah disarankan untuk menggunakan alamat di Negara Brunei Darussalam.**



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## BERSATU HATI MENGHULURKAN BANTUAN

- **COVID-19 Relief Fund** bagi membolehkan orang ramai untuk membuat **sumbangan** dalam menangani penularan COVID-19.



- Penubuhan satu **Jawatankuasa Ad-Hoc Sukarelawan Belia** bagi mengumpulkan para sukarelawan yang berhasrat untuk membantu usaha menangani wabak ini disamping menyelaraskan pembahagian sukarelawan bagi membantu Kementerian Kesihatan.



- Penyerahan **Bantuan Kewangan MUIB** melalui Kumpulan Wang Pentadbiran Am kepada **peniaga/pengusaha kecil** yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19.



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## MENERUSKAN PEMBELAJARAN

- **Melanjutkan Pembelajaran dan Pengajaran Secara Dalam Talian (*Online*), Cuti Khas Persekolahan Bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri dan Sesi Persekolahan Penggal Kedua seterusnya.**
- **Platform pelajaran atas talian (*online*) kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dengan penyediaan bandwidth dan data bagi meneruskan pembelajaran.**
- **Bagi menyokong pembelajaran secara dalam talian, orang ramai dialu-alukan untuk menderma komputer, komputer riba dan tablet (baru atau terpakai).**
- **Program Rancangan Pembelajaran Di Rumah Bagi Para Pelajar Tahun 6 Melalui RTB Aneka (Setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula 8.30 pagi).**






## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## INISIATIF KEUGAMAAN DAN KEROHANIAN

- **Pengagihan buku zikir dan doa COVID-19.** Sebanyak 15 ribu naskah buku zikir dan doa diagihkan kepada sektor kerajaan dan sektor swasta di negara ini. Orang ramai bolehlah mendapatkan buku tersebut berbentuk format pdf dengan mengimbas kod QR dengan melayari laman sesawang [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn).






## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM MEMPELBAGAIKAN TATACARA PEMBERIAN PERKHIDMATAN



- **Drive-Thru** bagi pembayaran pencen perkhidmatan dan pencen turunan secara tunai bagi mengurangkan risiko terkena jangkitan COVID-19 dan mengelakkan kesesakan dan perhimpunan beramai-ramai.

- **Pencen Umur Tua** untuk dilaksanakan melalui dua tatacara iaitu melalui bank sebagai pilihan tambahan disamping kaedah pembayaran yang dilaksanakan pada masa ini melalui **Penghulu dan Ketua Kampong**. Bagi mengurangkan risiko terkena jangkitan COVID-19 dan mengelakkan kesesakan dan perhimpunan beramai-ramai.



- Beberapa agensi kerajaan mula memberikan perkhidmatan secara online untuk memudahkan orang awam berurusan.

جمايئن فرياءون سساركة  
JABATAN PEMBANGUNAN MASTARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

PEMBAYARAN MELALUI BANK BAGI  
PENCEN UMUR TUA, PENCEN ORANG BUTA, PENCEN HILANG UPAYA,  
ELAUN BERCELARU MENTAL, ELAUN KUSTA, ELAUN KURANG UPAYA

- 1 MUAT TURUN BORANG : [bit.ly/elaunJAPEM](https://bit.ly/elaunJAPEM)
- 2 IMBAS (SCAN) ATAU GAMBAR DOKUMEN:  
  00-000-000  
BORANG KAD PINTAR NOMBOR  
PEMOHON & PENJAMIN AKAUN BANK
- 3 HANTAR MELALUI E-MEL:  
[BAHAGIAN.PENCEN@JAPEM.GOV.BN](mailto:BAHAGIAN.PENCEN@JAPEM.GOV.BN)  
ATAU  
MASUKKAN KE DALAM:  
PETI KOTAK, TINGKAT 1, RUANG LEGAR  
KKBS
- 4 SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:  
 HELPLINE **141**



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## INISIATIF PENJARAKKAN SOSIAL

- Penutupan sementara **masjid, surau dan balai ibadah** seluruh Negara Brunei Darussalam.
- Semua acara-acara keramaian atau perkumpulan termasuk majlis perkahwinan dan acara kesukanan adalah **tidak dibenarkan buat sementara waktu**.
- Penutupan sementara beberapa **buah tamu di daerah Temburong, Tutong dan Belait**.
- **Peniadaan gerai Ramadhan** di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Bandaran, Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan Belia dan Sukan.
- Penangguhan **Bandarku Ceria**.





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA KESEJAHTERAAN ORANG AWAM

## INISIATIF PENJARAKKAN SOSIAL

- Premis-premis makanan termasuk restoran, kedai makan, kedai minum, kafe, *food court*, gerai makan dan seumpamanya **tidak dibenarkan** untuk menyajikan makanan di premis-premis dan hanya dibenarkan untuk menyediakan makanan untuk dibawa pulang saja (*takeaway*).
- Penutupan pawagam dan bowling.
- Penutupan kesemua kompleks dan fasiliti sukan yang tertutup diseluruh negara termasuk gym, bowling alley dan padang golf.
- Penutupan muzium-muzium dan galeri, pusat-pusat belia dan setiap cawangan perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.







LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN  
MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA PEKERJAAN YANG ADA DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA PEKERJAAN YANG ADA DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU

- Bermula 1hb April 2020, Kerajaan akan **membiayai caruman SCP** kepada golongan yang bekerja sendiri – selama 6 bulan.
- Menyediakan **online training** secara percuma melalui platform **Coursera** yang menyediakan lebih dari **300 kursus** yang berkaitan dengan hal ehwal perniagaan.
- **Life-long Learning** : Syarikat-syarikat adalah dipelawa untuk mengambil peluang meningkatkan kemahiran **termasuk upskilling dan reskilling** pekerja yang terdiri dari anak-anak tempatan dengan mengikuti latihan-latihan anjuran MPEC.
- Pelanjutan tempoh **kontrak perantis I-Ready** bagi tempoh **sehingga enam bulan** khususnya bagi peserta yang mana kontraknya akan tamat sebelum bulan **September 2020** di sektor awam dan swasta.





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MEMELIHARA PEKERJAAN YANG ADA DAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA INDIVIDU-INDIVIDU

- Melaratkan Program Perantisan I-Ready ke **Peringkat Diploma Level 5 (HND atau Advanced Diploma)** dan **Technical and Vocational Education Training (TVET)**
- **Penaiktarafan portal Job Centre Brunei (JCB) – Job Matching**, menerima status permohonan secara *real-time*, menyediakan laporan mengenai keserasian pencari kerja tempatan berasaskan kriteria-kriteria jawatan dan syarikat mendapatkan talent profile yang lebih komprehensif.
- Pihak **JCB akan membantu syarikat-syarikat dalam memudahcara pengisian** mana-mana keperluan tenaga manusia dengan menyediakan perkhidmatan seperti penghantaran **SMS** kepada **pencari-pencari kerja tempatan**, menyediakan **talent pool** untuk kegunaan syarikat-syarikat serta mengadakan platform temuduga secara *virtual*.





LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN  
MENANGANI IMPAK COVID-19

# MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR PERNIAGAAN





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR PERNIAGAAN

**BERMULA BERKUATKUASA PADA 1HB APRIL 2020:**

- **Penangguhan Pembayaran (atau deferment) ke atas Caruman TAP (5%) dan SCP (3.5%) bagi Pekerja-Pekerja Tempatan yang berpendapatan \$1,500 sebulan dan kebawah di semua sektor di dalam kategori Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) iaitu dengan jumlah pekerja kurang dari 100 orang - selama 6 bulan.**
- **Memberikan subsidi pembayaran gaji sebanyak 25 peratus kepada pekerja tempatan di Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai pekerja seramai 100 orang dan kebawah - selama 3 bulan.**





## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR PERNIAGAAN



**PAKEJ-PAKEJ:** Bermula berkuatkuasa pada 1hb April 2020 bagi membantu meringankan beban kewangan kepada syarikat-syarikat perniagaan dan individu-individu yang terkesan.

- Penangguhan jumlah pembayaran pokok pinjaman/pembiayaan kepada syarikat-syarikat perniagaan yang terkesan di semua sektor.
- Semua bayaran dan caj bank, kecuali caj pihak ketiga, yang berkaitan dengan transaksi perdagangan dan pembayaran bagi syarikat-syarikat dalam sektor pelancongan, hospitality, restoran/ kafe, pengangkutan udara, dan pengimpotan makanan dan perubatan, tidak akan dikenakan sehingga 30 September 2020.
- Membuat penangguhan jumlah pembayaran pokok keatas pinjaman/pembiayaan peribadi dan kemudahan pinjaman/pembiayaan kenderaan, atau menstruktur semula pinjaman/pembiayaan tersebut dengan tempoh tidak melebihi 10 tahun.
- Memberi penangguhan pembayaran pokok pinjaman/pembiayaan yang berkaitan dengan hartanah, sama ada untuk memiliki atau untuk pelaburan.
- Menstruktur semula baki tertunggak (outstanding balances) kad kredit kepada pinjaman (loan) untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun bagi individu-individu yang terkesan di sektor swasta sahaja termasuk mereka yang bekerja sendiri. Walaubagaimanapun langkah ini tidak akan menaikkan jumlah had kad kredit selamat tempoh 3 tahun berkenaan.
- Semua caj dan yuran pembayaran bank bagi kemudahan penangguhan dan penstruktur semula (termasuk penstruktur semula baki tertunggak kad kredit), kecuali caj pihak ketiga, tidak akan dikenakan sehingga 31 Disember 2020.
- Tarikh permohonan penangguhan dan penstruktur semula adalah sehingga 31 Disember 2020.
- Semua caj dan bayaran bank bagi kemudahan pemindahan wang dalam negara, kecuali caj pihak ketiga, tidak akan dikenakan sehingga 30 September 2020.



## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR PERNIAGAAN

Bermula berkuatkuasa pada 1hb April 2020 dan akan berjalan selama enam (6) bulan;

- **Memberikan 30% diskaun keatas kadar sewa bangunan kerajaan kepada Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) mengikut sektor sasaran iaitu seperti sektor Pelancongan, Hospitality (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air.**
- **Memberikan *tax discount* sebanyak 50% keatas cukai pendapatan korporat bagi tahun taksiran 2021 kepada sektor sasaran seperti sektor Pelancongan, Hospitality (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air.**
- **Memberikan 15% diskaun untuk bil-bil air dan elektrik ke atas sektor sasaran seperti sektor Pelancongan, Hospitality (Termasuk hotel dan Lodging house yang berdaftar), Restoran dan Kafe, Pengangkutan Penumpang Udara dan Air.**
- **Pengecualian sementara duti kastam dan duti eksais untuk membantu para peniaga dan pembeli dengan meningkatnya permintaan yang berkaitan dengan produk kesihatan khususnya dalam menangani COVID-19.**




## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR PERNIAGAAN

- Pihak Kerajaan Negeri Sarawak telahpun memberikan kerjasama dengan membenarkan mana-mana syarikat di Negara ini dan luar negara yang keluar masuk dari Negara ini melalui checkpoint darat bagi tujuan perdagangan atau penghantaran barang. Begitu juga dengan syarikat-syarikat dari negeri Sarawak yang membuat penghantaran melalui jalan Brunei adalah juga diberikan kebenaran.
- Bermula Mac 2020, peniadaan sewa bangku bagi Tamu, Pasar dan Gerai yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tempoh enam (6) bulan.
- Menyediakan *Co-Matching Grant*, bagi perniagaan perkhidmatan e-Commerce dan perkhidmatan logistik.
- Memberikan 50% diskaun bagi penjualan beras pulut selama sebulan bermula hari Rabu, 8hb April 2020 yang ada di Kompleks Stor dan Perbekalan Negara kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta Pengusaha-Pengusaha Persendirian bagi membantu kelangsungan perniagaan para Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) serta Pengusaha-Pengusaha Persendirian yang berkecimpung dalam penyediaan dan penjualan kuih-muih yang menggunakan beras pulut sebagai bahan asas seperti kelupis, wajid, seri-muka dan lain-lain.

### CO-MATCHING GRANT STEP-BY-STEP PROCESS







## LANGKAH-LANGKAH KERAJAAN MENANGANI IMPAK COVID-19

# MENDUKUNG DAN MEMBANTU SEKTOR PERNIAGAAN

- ***E-commerce platform 'e-kadai'***: ini adalah bertujuan untuk memberikan *alternative* kepada para peniaga untuk memasarkan barangan mereka secara dalam talian (online).

eKadaiBrunei

- ***'Community for Brunei'*** menyediakan platform yang akan dapat mengumpulkan dan menyatukan komuniti Brunei bagi membantu PMKS untuk menjual barangan mereka di dalam *'virtual market'* dan bagi orang awam untuk membeli secara *virtual* dan membuat pembayaran secara digital dengan menggunakan kad-kad debit atau kredit. **Community for Brunei melancarkan 2 projek iaitu:**



1. ***'Community for COVID'*** untuk memberikan sumbangan keperluan yang telah dikenalpasti kepada frontliners dan
2. ***'Community for Ramadhan'*** bagi membeli secara online juadah makan minum untuk berbuka puasa dan dihantar ke rumah/tempat masing-masing.

- ***'Buy Local Produce Campaign'*** memastikan pendapatan para peniaga tamu dan petani-petani tempatan sentiasa terjamin dan tidak terjejas dengan penutupan sementara beberapa tamu. Inisiatif ini juga akan dapat **memastikan kestabilan harga produk-produk pertanian seperti sayuran dan buah-buahan; serta untuk menggalakkan penanaman produk pertanian secara berterusan.**

